

04/07/2001

Lima syarat usahawan IKS mohon RM500 juta (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Lebih 10,000 usahawan Bumiputera yang menanggung beban hutang akibat kegawatan ekonomi boleh memohon bantuan Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) dengan peruntukan RM500 juta, berkuat kuasa hari ini.

Penubuhan tabung itu bertujuan menangani masalah usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) Bumiputera yang mempunyai hutang tidak berbayar (NPL) sehingga RM1 juta.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu kenyataan hari ini bagaimanapun berkata, hanya IKS yang benar-benar layak akan diberi bantuan mengikut program itu.

Beliau menggariskan syarat kelayakan bagi memohon bantuan tabung itu, iaitu:

- * IKS Bumiputera yang mempunyai NPL tidak melebihi RM1 juta;
- * Pinjaman yang sudah diklasifikasi sebagai NPL mestilah pinjaman untuk perniagaan, bukannya pinjaman peribadi;
- * Syarikat peminjam mestilah sekurang-kurangnya 60 peratus dimiliki Bumiputera;
- * Masalah NPL bukan disebabkan salah pengurusan atau penyelewengan; dan
- * Pemohon mempunyai perniagaan yang berkeupayaan dan berpotensi.

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan hanya usahawan yang terjejas akibat krisis ekonomi baru-baru ini mendapat manfaat daripada program itu, mereka dengan pinjaman yang sudah diklasifikasi sebagai NPL antara tempoh 1 Januari 1998 hingga 30 Jun 2001 saja, layak memohon.

"Usahawan yang memenuhi kriteria di atas boleh memohon melalui institusi perbankan masing-masing," katanya.

Penubuhan TPPU dan peruntukan RM500 juta itu diumumkan Dr Mahathir ketika menggariskan beberapa tindakan bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS), termasuk menyuntik RM3 bilion untuk Belanjawan tambahan, pada sidang akhbar, 27 Mac lalu.

Perdana Menteri hari menjelaskan, operasi TPPU akan diuruskan sepenuhnya oleh ERF Sdn Bhd (ERF), manakala pemprosesan permohonan dilaksanakan institusi perbankan sebelum disalurkan kepada syarikat itu untuk kelulusan.

Daripada jumlah peruntukan RM500 juta itu, RM120 juta akan digunakan bagi menyelesaikan NPL, langkah penting bagi menangani permasalahan hutang tidak berbayar dan kekurangan modal kerja, terutama di kalangan usahawan Bumiputera yang masih beroperasi.

Beliau berkata, penyelesaian NPL akan dilakukan melalui mekanisme pengurangan hutang sedia ada serta membantu pemulihan perniagaan yang berpotensi.

TPPU memberi peluang kepada usahawan yang mungkin sukar dipulihkan disebabkan tahap hutang (gearan) tinggi. Program itu membabitkan bantuan kewangan kerajaan dan institusi perbankan.

"Kerajaan sememangnya prihatin terhadap masalah usahawan, terutama Bumiputera terbabit dalam IKS yang dibelenggu masalah NPL hingga mereka sukar mendapatkan pembiayaan untuk perniagaan," katanya.

Antara ciri utama program penyelesaian NPL melalui tabung itu ialah pelupusan faedah pinjaman tertunggak, termasuk faedah penalti oleh institusi pembiayaan.

Katanya, pengurangan baki pinjaman pokok yang tidak bercagar dibuat melalui pengurangan 40 peratus oleh institusi pembiayaan dan 30 peratus

bantuan kewangan kerajaan.

"Baki 30 peratus lagi perlu diselesaikan oleh usahawan terbabit dalam jangka masa tidak melebihi 18 bulan daripada tarikh kelulusan penyertaan.

"Bagi pinjaman bercagar, institusi pembiaya akan memberi pelupusan antara 50 hingga 100 peratus ke atas faedah tertunggak, termasuk faedah penalti dan dua tahun moratorium (ditangguh) bagi pembayaran balik baki pinjaman," katanya.

Katanya, satu aspek penting program itu ialah sokongan modal kerja, melalui pinjaman baru, yang akan diberikan kepada usahawan terbabit bagi membantu mereka meneruskan perniagaan.

Dr Mahathir juga berkata, bagi sokongan modal kerja, syarat utama ialah:

- * Jumlah pinjaman baru terhad kepada keperluan sebenar iaitu tidak melebihi RM3 juta. Sebanyak 80 peratus daripada pinjaman baru akan disediakan oleh kerajaan melalui ERF dan 20 peratus lagi oleh institusi perbankan. Kerajaan akan memperuntukkan RM380 juta untuk tujuan itu;

- * Faedah pinjaman adalah maksimum lima peratus setahun dengan tempoh bayaran maksimum lima tahun;

- * Operasi akaun pinjaman baru ini akan dilaksanakan melalui akaun tanpa buku cek yang mana pengeluarannya akan dikawal secara rapi oleh institusi perbankan dan ERF. Selain itu, kesemua institusi pembiaya dikehendaki membekukan sebarang tindakan ke atas peminjam untuk tempoh yang akan ditetapkan.

Perdana Menteri berkata, bagi memperlengkapkan usahawan dengan kemahiran perniagaan masa kini dan mempertingkatkan daya tahan, mereka yang diberi kemudahan mengikut program itu diwajibkan menjalani program latihan dan kesedaran.

Program latihan itu meliputi pengurusan kewangan, sistem perakaunan berkomputer serta kursus motivasi yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh industri perbankan.

Pada masa yang sama, ERF dan institusi perbankan membuat pemantauan rapi ke atas perjalanan perniagaan usahawan terbabit bagi memastikan tahap disiplin tinggi terutama dari aspek pengurusan kewangan dan perniagaan serta pembayaran balik pinjaman.

(END)